

CNS4003

R GB 30-12 00200 BH775

aab

SYARAT MALAYSIA HADIRI SIDANG ALAM SEKITAR

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Malaysia akan menghadiri Persidangan Alam Sekitar Sedunia di Rio de Janeiro, Brazil, Jun depan sekiranya kehadirannya dapat memainkan peranan yang bermanfaat dalam masalah alam sekitar di seluruh dunia.

Penyertaan Malaysia, bagaimanapun, bergantung kepada hasil dua mesyuarat yang akan diadakan sebelumnya iaitu mesyuarat mengenai persiapan persidangan dan mesyuarat negara-negara membangun yang akan diadakan Januari ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemberi ta selepas rakaman Ucapan Tahun Barunya di Angkasapuri di sini hari ini.

Persidangan yang akan dihadiri oleh 100 buah negara dan 300 pertubuhan bukan Kerajaan dijangka membincangkan berbagai-bagai aspek yang berkaitan dengan masalah alam sekitar.

Malaysia pernah menyatakan bahawa ia tidak akan menghadiri persidangan berkenaan sekiranya negara-negara barat akan menjadikannya platform untuk membidas Malaysia.

Mengenai langkah RTM mengadakan Peti Inovasi, Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan bahawa ia merupakan satu langkah yang baik dalam meningkatkan prestasi RTM dalam mencari idea dan seharusnya dicontohi oleh jabatan kerajaan yang lain.

Peti berkenaan, yang diilhamkan oleh Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Jaafar Kamin, memberi peluang kepada kakitangan RTM mengemukakan idea untuk dipertimbangkan pelaksanaannya. -- Bernama

▼30/12/14-57MST